

SINAR HARIAN • 11 MAREK 2024

Sinar
SN
@
SINAR @
NEGERI

JOHOR



Maqis sita
25 tan perut
babi bernilai
RM400,000

25

PAHANG



Tiada
perombongan
haram nadir
bumi di hutan
simpan

26

KELANTAN



Remaja
perempuan 16
tahun ditahan
seludup petrol

28



PELUANG... Orang ramai boleh melapaskan peluang membeli barang keperluan harian pada program Jualan Ramadan Madani di Masjid Al-Majid, Sungai Layat dekat Sungai Petani, Kedah pada Rabu.

UMPSA kekal tradisi makan dalam talam



Sebahagian pelajar sedang menunggu waktu berbuka puasa untuk menikmati hidangan percuma yang dihidangkan dalam talam di UMPSA kampus Pekan dan Gambang di Kuantan pada Selasa.

Eratkan hubungan warga universiti sejak 15 tahun lalu

Oleh **NIK AMIRULMUMIN NIK MIN**
KUANTAN

Universiti Malaysia Pahang Al-Baitar Abdullah (UMPSA) mengekalkan tradisi berbuka puasa berkonsepkan makan dalam talam yang telah dimulakan sejak lebih 15 tahun lalu.

Setiap talam mengandungi hidangan yang boleh dinikmati oleh lima hingga enam orang.

Naib Canselor UMPSA, Prof Datuk Dr Yuserie Zahuddin berkata, tradisi tersebut secara tidak langsung dapat membantu memaparkan ukhuwah antara warga universiti.

Selain itu, katanya, konsep tersebut juga memudahkankan proses menghidangkan makanan dan dibersihkan selepas selesai majlis berbuka.

"Menariknya, UMPSA turut mengekalkan konsep memasak dan menyediakan juadah berbuka puasa secara bergotong-royong mengikut jabatan atau fakulti."

"Penyediaan juadah berbuka puasa untuk 2,000 pelajar kampus Pekan dan Gambang ini disediakan pada setiap hari oleh staf dan pelajar secara bergilir-gilir mengikut jadual ditetapkan di bawah penyelarasan Pusat Islam dan Pembangunan Insan (Pimpin)," katanya.



Kerjasama yang erat mengukuhkan silaturahim antara staf dan pelajar ketika bergotong-royong menyediakan juadah berbuka di UMPSA

Yuserie berkata, antara juadah yang disediakan ialah nasi putih, gulai kawah, sayur campur, ayam masak lemak cili api, bubur lambuk dan ayam masak korma mengikut jadual yang telah ditetapkan.

POH BALEH NGEM!

"Penyediaan dan pengagihan juadah iftar Ramadan ini dilaksanakan melalui kerjasama Yayasan UMPSA dan Pimpin.

"Inisiatif ini disediakan melalui dana Tabung Ramadan Yayasan UMPSA hasil sumbangan pelbagai pihak, termasuk organisasi korporat, anak syarikat UMPSA dan jabatan," ujarnya.

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi Yayasan UMPSA berkata, tahun ini pihaknya menyasarkan kutipan sumbangan RM240,000 bagi penyediaan juadah iftar secara percuma itu.

"Manis-manis pihak yang ber-

hasrat untuk menyumbang ke Tabung Ramadan Yayasan UMPSA, boleh menyatukannya ke akaun Yayasan UMPSA, 5562 3531 7005 (Maybank) dengan rujukan Ramadan 2024," katanya.

Jelas beliau lagi, UMPSA turut menganjurkan pelbagai aktiviti bagi menghidangkan Ramadan pada kali ini termasuk penganjuran Festival Ramadan dengan pengisian solat tarawih, tadarus dan iftar jamaah.

"Aktiviti lain antaranya ialah program ziarah mahabbah anak-anak yatim, sahur ride UMPSA 2024, memasak bubur lambuk, ceramah Nuzul Quran, kem hatiz Ramadan, majlis khatam Quran Hour, geng subuh me-cami Jumat, tahajud call pecutan terakhir dan pertandingan penulisan Ramadan kreatif.

"Aktiviti disediakan ini terbuka kepada warga kampus dan masyarakat setempat," katanya.

Orang ramai yang ingin membuat sebarang aduan atau melaporkan masalah di tapak boleh hubungi dengan menghantar mesej ke aplikasi WhatsApp melalui nombor telefon **019 3680823** atau e-mel aduan@sinarharian.com.my selain hubungi talian **03-81017409**

10 pagi hingga
8 malam setiap hari